



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
KHAMIS , 5 MAC 2018**

1. **BIAYA RM451,212 BANTU PESAWAH TERJEJAS BENCANA – SINAR, ONLINE**
2. **BAU HARUM, BARU BELI, ELAK TERTIPU BELI HARUMANIS – UTUSAN, ONLINE**
3. **JANGAN JULA BUAH MEMPELAM HARUMANIS MUDA – KOSMO, ONLINE**
4. **HARUMANIS BURMA, UNDANG PADAH – HM, 39**
5. **DUA BOT NELAYAN DITAHAN CEROBOH ZON TANGKAPAN IKAN – UTUSAN, ONLINE**
6. **PROJEK AKUAKULTUR BERJAYA KURANGKAN KEMISKINAN – BH, ONLINE**
7. **SEDAI PROSES SARANG BURUNG WALIT MALAYSIA – SINAR, ONLINE**
8. **CADANGAN TUN M BUNUH HARAPAN RAKYAT:AHMAD SHABERY – SINAR, ONLINE**
9. **PARIT BUKAN LAGI BERTARAF KAMPUNG – SH, 10**
10. **IZARA COOKIES SET TO EXPAND REGIONALLY – NSTP, 22**
11. **BUKA KILANG BISKUT SELEPAS 7 TAHUN OPERASI DI RUMAH – BH, 24**

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	SINAR	ONLINE	

Biaya RM451,212 bantu pesawah terjejas bencana

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN
4 APRIL 2018



Abdul Puhat menyerahkan cek replika penyerahan bantuan tabung bencana kepada pesawah terjejas banjir melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) masing-masing.

PARIT BUNTAR - Sejumlah RM 451,212 dibiayai kerajaan negeri bagi membantu 437 pesawah di Parlimen Parit Buntar dan Bota yang terjejas banjir pada September tahun lalu.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, Noorazmi Yahya berkata, bantuan itu bertujuan meringankan beban petani di kompartmen A,B, dan C bagi membolehkan mereka mempunyai modal permulaan mengusahakan sawah masing-masing.

Menurutnya, setiap pesawah menerima bantuan sebanyak RM817 sehektar bagi setiap sawah terjejas.

"Bantuan ini bagi membantu pesawah meneruskan semula tanaman padi bagi menampung keperluan makanan negara," katanya dalam sidang media selepas majlis penyampaian bantuan tabung bencana tanaman padi di Tanjung Piandang di sini semalam.

Majlis disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.

Kejadian banjir melanda daerah Kerian pada September lalu menyebabkan sejumlah 622 hektar sawah padi terjejas dan mengakibatkan benih padi yang baru ditabur musnah.

Noorazmi berkata, banjir itu mengakibatkan pesawah mengalami kerugian lebih RM900,000 atau RM4,500 bagi sehektar sawah.

Dalam pada itu, Abdul Puhat satu kajian semula akan dibuat bagi membolehkan satu mekanisme pemindahan air dari Sungai Perak dialirkan ke kolam Bukit Merah untuk memastikan bekalan air mencukupi bagi membantu tanaman padi di Kerian.

Menurutnya, kajian itu juga bagi membolehkan sebuah kolam takungan dibina untuk menyimpan air supaya limpahan air dari Kolam Bukit Merah tidak mengalir ke laut dan digunakan semula bagi penanaman padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	UTUSAN	ONLINE	

Bau harum, baru beli', elak tertipu beli harumanis - Pengarah Pertanian Perlis



ZULKEFLI AMIN MAT JUSOH menunjukkan buah harumanis yang belum cukup matang yang dijual di sebuah gerai di tepi jalan dalam operasi bersepadu melibatkan beberapa agensi kerajaan berkaitan di Kuala Perlis, Perlis, hari ini. - UTUSAN ONLINE

[Sharilfuddin Saari](#)

04 April 2018 1:42 PM

KANGAR 4 April - Penjualan buah yang tidak cukup matang yang didorong oleh permintaan yang tinggi di awal musim pengeluaran harumanis ketika ini, dikenal pasti menjadi punca sebahagian daripada memelam itu tidak manis sehingga menimbulkan rungutan pembeli di laman-laman sosial baru-baru ini.

Maka sebab itu, orang ramai yang ingin membeli buah berkenaan pada masa ini yang dijual antara RM40 sehingga RM45 sekilogram di negeri ini, dinasihatkan supaya memastikan terlebih dahulu harumanis dibeli sudah berbau harum.

Pengarah Pertanian negeri, Zulkefli Amin Mat Jusoh berkata, jika harumanis itu tidak berbau, orang ramai dinasihatkan agar tidak membeli buah tersebut kerana berisiko belum cukup matang, seterusnya menyebabkannya kurang manis meskipun diperam beberapa hari.

Menurut beliau, sikap segelintir pekebun yang masih tetap ingin menjual harumanis kepada pemborong walaupun mengetahui buah itu belum cukup matang, adalah amat dikesali kerana boleh memburukkan imej negeri ini.

"Kita faham apabila orang ramai mengunjungi Perlis, mereka ingin membawa pulang harumanis lalu menyebabkan permintaannya tinggi, apatah lagi pengeluarannya masih kurang kerana di awal musim.

"Namun saya nasihatkan (peniaga), janganlah menjual buah yang belum cukup matang kerana walaupun diperam, buah tersebut tidak akan manis sebaliknya boleh menjadi masam.

"Kepada pembeli, saya nasihatkan supaya mereka hanya membeli buah yang sudah berbau harum dan jika tidak, sila jangan beli," katanya ketika ditemui selepas mengadakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan berkaitan, terhadap para peniaga harumanis di Kuala Perlis, di sini hari ini.

Agensi-agensi terlibat adalah Jabatan Pertanian negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) negeri.

Beliau mengulas rungutan seorang netizen yang melahirkan rasa kekecewaannya kerana memelam harumanis dibeli pada harga RM45 sekilogram di negeri ini baru-baru ini, tidak seperti diharapkan.

Menurut Zulkefli Amin, pihaknya, FAMA dan KPDNKK tidak boleh mengambil tindakan terhadap para peniaga yang menjual memelam harumanis belum cukup matang kerana tiada peruntukan akta di bawah ketiga-tiga agensi itu.

Katanya, sebaliknya FAMA dan KPDNKK hanya boleh mengambil tindakan terhadap peniaga yang menggunakan nama harumanis terhadap memelam jenis lain untuk melariskan jualan.

Beliau turut menggalakkan orang ramai supaya mengetahui rupa bentuk fizikal harumanis yang boleh didapati di laman web agensi tersebut sebelum membeli. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/8216-bau-harum-baru-beli-8217-elak-tertipu-beli-harumanis-pengarah-pertanian-perlis-1.641566#ixzz5BkhhC9vz>

© Utusan Melayu (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	KOSMO	ONLINE	

Jangan jual buah mempelam harumanis muda

MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM
04 April 2018 5:41 PM



Zulkepli (dua dari kiri) pada operasi pemantauan mempelam harumanis di Kuala Perlis, Kangar, Perlis hari ini.

KANGAR - Pengarah Pertanian Perlis, Zulkepli Amin Jusoh menegur sikap segelintir pemilik kebun, pemborong dan penjual mempelam harumanis yang menjual buah ikon Perlis itu yang tidak cukup matang sehingga menimbulkan rungutan pembeli.

Katanya, situasi itu mungkin didorong kerana permintaan buah mempelam itu yang tinggi pada awal musim pengeluarannya selain faktor harga tinggi sebelum tibanya Ramadan tahun ini.

"Memang kes ini bersifat terpencil dan tidak ramai rangkaian pemilik kebun, pemborong dan penjual yang terlibat tetapi ini memberikan reputasi dan imej tidak baik terhadap mempelam harumanis.

"Saya menasihatkan pembeli supaya memastikan buah mempelam harumanis yang ingin dibeli berbau harum. Jika tidak harum jangan beli kerana tidak akan manis dan sedap walaupun diperam selama beberapa hari," katanya kepada pemberita di Kuala Perlis di sini hari ini.

Zulkepli berkata sedemikian dalam operasi bersepadu terhadap peniaga mempelam harumanis hari ini. - K! ONLINE



SABRI (kiri) menyerahkan surat amaran kepada peniaga.

'Harumanis Burma' undang padah

Kangar: Tindakan seorang peniaga meletakkan papan tanda 'Harumanis Burma' yang mengelirukan mengundang padah selepas diberikan notis amaran oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia (FAMA):

Pengarah Bahagian Regulatori (Penguatkuasaan) FAMA Malaysia, Sabri Naseh berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap produk Harumanis yang eksklusif di Perlis.

"Peniaga seharusnya jujur dalam berniaga dan sekiranya mereka menjual buah mangga 'tong dam' atau mempelam siam, letakkan sahaja papan tanda yang betul.

"Bukan mengelirukan pembeli dengan meletakkan papan tanda 'Harumanis Burma', 'Harumanis Burma', 'Harumanis Perlis', 'Arumanis' dan sebagainya sehingga pembeli terpedaya," katanya selepas pemeriksaan di sebuah gerai dalam operasi Penipuan Harumanis di Lebuhraya Kuala Perlis-Changlun di sini, semalam.

Operasi itu dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Perlis dan Jabatan Pertanian Perlis.

Sabri berkata, pihaknya kesal dengan tindakan peniaga terbabit kerana ia mencalarakan imej Perlis sebagai pengeluar Harumanis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	UTUSAN	ONLINE	

Dua bot nelayan ditahan ceroboh zon tangkapan ikan



SALAH satu bot nelayan bersama awak-awak serta hasil tangkapan ditahan oleh Maritim Malaysia kerana menangkap ikan di luar zon yang dibenarkan di perairan berhampiran Sungai Langat, pagi ini.

[Zulkifli Sainuddin](#)

04 April 2018 9:56 PM

KLANG 4 April - Ketamakan dua kumpulan nelayan tempatan yang cuba mengaut untung cepat dengan menangkap ikan di luar zon yang dibenarkan membawa padah apabila mereka ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berhampiran Sungai Langat, di sini hari ini.

Pengarah Maritim Daerah Maritim 4, Kepten Maritim Abu Zaki Mohammad berkata, dua kumpulan nelayan terbabit yang menaiki dua buah bot Kelas B itu masing-masing ditahan kira-kira pukul 8.45 pagi dan 9.30 pagi oleh bot ronda Maritim Malaysia dari jarak 1.9 batu nautika dari Sungai Langat.

Katanya, enam lelaki warganegara tempatan termasuk dua orang tekong bot yang berumur antara 43 hingga 72 tahun turut ditahan bersama hasil tangkapan ikan baja yang dianggarkan seberat 160 kilogram.

"Ketika ditahan, kedua-dua bot itu sedang leka menarik pukat tunda di luar zon penangkapan ikan yang dibenarkan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati kedua-dua bot nelayan tersebut didapati telah melanggar syarat sah lesen vesel yang telah dikeluarkan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan iaitu telah melanggar zon penangkapan ikan yang telah ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Abu Zaki, kedua-dua bot itu kemudiannya diiringi ke Jeti Daerah Maritim 4 untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar arahan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan.

"Kesalahan itu merupakan isu utama di perairan Selangor dan Maritim Malaysia amat memandang berat perkara ini dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak. Penangkapan ikan di luar zon menjejaskan pendapatan nelayan pesisir pantai," tegasnya. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/dua-bot-nelayan-ditahan-ceroboh-zon-tangkapan-ikan-1.641785#ixzz5BkmeZie1>

© Utusan Melayu (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	BH	ONLINE	



Pemandangan indah Tasik Kenyir yang dipenuhi kehijauan hutan dan tasik yang jernih memukau pengunjung. - Foto ihsan Jabatan Penerangan Negeri

Projek akuakultur berjaya kurangkan kemiskinan

KUALA TERENGGANU: Projek akuakultur berimpak tinggi di Tasik Kenyir menghasilkan hampir 327 tan ikan air tawar dua tahun lalu, sekali gus menjadi antara inisiatif terbaik kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu (JPNP), Zawawi Ali berkata, projek itu menghasilkan 204,830 kilogram (kg) ikan pada 2016 dan 122,000kg tahun lalu.

Beliau berkata, bekalan dihasilkan menerusi pembiakan ikan dalam sangkar yang menjadi sebahagian daripada inisiatif membasmi kemiskinan oleh kerajaan negeri sejak 2007.

"Sejumlah RM20 juta dilaburkan kerajaan negeri untuk membina infrastruktur dan sangkar bagi projek ini.

Program e-Kasih

"Pada peringkat awal, kita mengenal pasti 80 peserta melalui program e-Kasih sebagai perintis projek, yang merangkumi 3,027 hektar kawasan industri akuakultur.

"Sebuah syarikat yang mengambil bahagian dipilih untuk menerajui projek itu tetapi usaha itu gagal dan syarikat berkenaan disingkir.

"Bagaimanapun, ia tidak menghentikan usaha kita untuk terus mencorak kejayaan dan merangsang sosioekonomi Terengganu dengan mewujudkan peluang pekerjaan serta pemiagaan untuk penduduk tempatan," katanya.

Beliau berkata, pada 2011, beberapa syarikat menjadi inovatif dan membina lebih banyak sangkar ikan di Tasik Kenyir.

"Usaha ini berjaya menambah pengeluaran ikan air tawar dan pulangan lebih baik serta memanfaatkan semua syarikat yang mengambil bahagian," katanya sambil menambah setiap peserta menjana sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan.

Ikan yang dihasilkan dijual secara segar atau sejuk beku pada harga kira-kira RM10 sekilogram bergantung kepada saiz dan jenisnya, ke restoran tempatan serta beberapa negeri lain.

Pengeluaran 85 tan Ikan

Kini, cap dagang Sungai Como 'Red Kenyir' terkenal dengan produk berkualiti tinggi dan projek itu sendiri menjadi ikon pelancongan Terengganu. Setakat ini, projek bernilai tinggi itu mempunyai 2,000 sangkar.

Pada 2010, JPNP merekodkan pengeluaran 85 tan ikan air tawar terutama talapia, keli dan patin manakala 128 tan pada tahun berikutnya.

"Ia jauh daripada sasaran 10,000 tan setahun yang ditetapkan, namun mereka (peniaga) yang berdaya saing tetap memperoleh pulangan baik kerana permintaan terhadap ikan air tawar tidak pernah berkurangan dan harganya juga berpatutan," katanya.

Beliau menggalakkan lebih banyak projek penyelidikan dijalankan pihak berkaitan untuk membantu meningkatkan lagi pengeluaran dan kualiti ikan air tawar demi merangsangkan ekonomi negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	SINAR	ONLINE	

Sedia proses sarang burung walit Malaysia



Sarang Burung Walit mentah. Foto: Sumber internet

PUSAT pemprosesan sarang burung Taman Perindustrian China-Malaysia Qinzhou (CMQIP) telah siap sedia untuk menerima penghantaran pertama sarang burung walit mentah (RUC) dari Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVSM), Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, berkata, perusahaan berkenaan memasang bangunan kilang standard di taman itu untuk menjadi kilang pemprosesan, dengan kemudahan sokongan seperti penyimpanan produk sarang burung, makmal pemeriksaan dan kemudahan rawatan.

"Persediaan di sini telah dibuat seperti apa yang telah direka bentuk oleh CMQIP. Mungkin prasarana itu akan mendapat sedikit lagi sentuhan selepas siap kelak tetapi pada dasarnya, pusat pemprosesan ini siap sedia dengan kemudahan pun ada," katanya kepada Bernama selepas lawatan ke taman itu di luar acara Festival Sarang Burung Malaysia 2018 (MBNF 2018) di Nanning, China.

MBNF 2018 yang berlangsung selama tiga hari dan berakhir semalam, merupakan satu inisiatif oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menggunakannya sebagai platform bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna di China tentang pelbagai produk sarang burung boleh dimakan dari Malaysia.

Quaza berkata, pemprosesan sarang burung RUC akan bermula di CMQIP sebaik sahaja kelulusan import diperolehi daripada kerajaan China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2018	SINAR	ONLINE	

Cadangan Tun M bunuh harapan rakyat: Ahmad Shabery

RAIHAM MOHD SANUSI
4 APRIL 2018



Ahmad Shabery (dua, kiri) melawat tapak Karnival Usahawanita 2018 di Pantai Kuala Kuala Kerteh, semalam.

KEMAMAN - Cadangan Pakatan Harapan untuk menghentikan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) jika menang dalam PRU14 umpama membunuh harapan penduduk Pantai Timur.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, beliau terkejut dengan cadangan yang disuarakan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad berkenaan perkara itu.

Katanya, penduduk Pantai Timur telah sekian lama menantikan satu sistem pengangkutan kereta api yang efisien seperti di Pantai Barat dibina di Pantai Timur sebagai 'game changer' bagi pembangunan dan peningkatan ekonomi setempat.

"Tun Mahathir kini sudah jadi seperti tipikal pembangkang kerana kalau dulu apabila pembangkang mendengar projek besar, mereka akan tentang termasuk semasa Tun jadi perdana menteri.

"Bila Tun Mahathir nak buat Lebuhraya Utara Selatan, pembangkang berarak (menentang), bila beliau nak buat Jambatan Pulau Pinang, pembangkang protes...nak buat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Menara Berkembar Petronas (KLCC) pun semuanya pembangkang protes jadi sekarang Tun dah jadi macam pembangkang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meninjau persediaan Karnival Usahawanita 2018 sempena Road to MAHA 2018 di Pantai Kuala Kerteh, di sini, semalam.

Menurutnya, Tun yang dahulunya mempunyai pandangan yang jauh dalam memajukan jaringan sistem pengangkutan dan jalan raya kini ibarat membunuh harapan rakyat Pantai Timur dengan cadangan untuk menghentikan projek meja itu.

Tegasnya, cadangan membina ECRL itu bakal merubah keseluruhan landskap ekonomi Pantai Timur yang jauh ketinggalan jika dibandingkan Pantai Barat.

"Rata-rata kita tahu bahawa pembangunan yang dibuat sebelum ini lebih tertumpu di kawasan Lembah Klang," katanya.

Tun Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan semalam mendakwa bahawa projek ECRL bernilai RM55 bilion merupakan satu pembaziran kerana tiada keperluan kemudahan itu disediakan kepada rakyat.

Ahmad Shabery memberitahu projek ECRL yang didakwa menyebabkan pembaziran juga boleh dipersoalkan memandangkan banyak projek mega dijalankan ketika zaman Mahathir turut menelan kos berbilion ringgit.

"Dahulu Tun silap besar sebab cuba pindahkan sebahagian operasi Perwaja Steel dari Kemaman ke Gurun, Kedah tetapi ekor sistem pengangkutan yang tidak efisien ia akhirnya gagal.

"Begitu juga dengan pembinaan Putrajaya yang banyak menerima bantahan dari rakyat kerana kononnya membazir tapi akhirnya rakyat tetap menerima," katanya.

GENDANG PRU14 #prusinar #aparakyatmahu **PARLIMEN PARIT**

SAFULLAH AHMAD, NOOR 'ADNON MOHAMMED YUSOF & SETI SAFA MOHD NOR



Institusi Kemahiran Tinggi Negara (IKTN) Seri Iskandar.

LRTM Coasting Point.

Parit bukan lagi bertaraf kampung

Pembangunan pesat Seri Iskandar jadi nadi kekuatan parlimen itu

Parlimen Parit adalah salah satu kawasan dalam daerah Perak Tengah yang mempunyai tarikan tersendiri walaupun ia kawasan luar bandar.

Terkenal dengan dialek atau loghat yang mencerminkan identiti Perak, kawasan ini juga mempunyai sejarah tersendiri di sebelah pinggir Sungai Perak.

Berada kira-kira 30 kilometer dari Ipoh, pekan parit di pinggir Sungai Perak menjadi pentadbiran utama di daerah berkenaan sebelum Bandar Seri Iskandar mengambil alih pembangunan, dengan adanya jalan Jalan Ipoh-Lumut.

Pembangunan pesat di kawasan Seri Iskandar menjadikannya sebagai kawasan tumpuan bagi Parlimen Parit ketika ini, sekali gus mengubah persepsi kawasan itu hanyalah kawasan 'kampung'.

Kewujudan pelbagai institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti Universiti Teknologi Mara (UTM), Kolej Profesional Mara, Institut Kemahiran Tinggi Negara (IKTN) dan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) menandakan lagi pembangunan di kawasan berkenaan.

Kerangka pembangunan ini dilihat hampir sampai ke Pekan Parit walaupun kegiatan ekonomi penduduk banyak tertumpu dalam bidang pertanian, yang kebanyakannya mengisytiharkan sawah.

Dalam perkembangan berkaitan, pada 29 Julai 2017, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan kawasan sawah padi seluas 3,100 hektar dalam kawasan Parlimen Parit akan diwujudkan dalam kawasan

'Pembangunan Pertanian Berkepadu (UDA) Soberang Perak. Langkah ini bagi membolehkan pengeluaran padi di kawasan berkenaan dapat ditingkatkan melalui konsep perladangan komersial dan meningkatkan pendapatan petani.

Kawasan padi itu diusahakan kira-kira 400 penduduk dapat dipulihkan dan berdaya saing, selain meningkatkan hasil mengikut musim.

UDA, satu agensi yang mempunyai kepakaran dan fokus dalam industri

penanaman padi mengeral padi sawah berkenaan berganang penuh dengan sumber air dari Sungai Perak.

Pada PRU13, kerusi Parlimen Parit dimenangi BN dengan majoriti 4,497 undi, menewaskan calon Pas yang hanya memperoleh 11,796 undi.

Datuk Mohd Zaim Abu Hassan yang kini menyandang Ahli Parlimen Parit bukan asing dalam politik di bahagian tersebut.

Beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Parit telah menjadi wakil rakyat sejak 1995, namun tewas pada 1999.

Kemudian beliau sekali lagi bertanding pada 2004 sehingga kini dan pernah menjadi Adun Belanja selama tiga penggal sebelum ke Parlimen.



Seri Iskandar yang pesat membangun.



Kawasan Seri Iskandar dimana Menteri Umno yang menang dalam pembangunan.



PARLIMEN
NSB BELANJA
NSB BOTA

KEPUTUSAN PRU13 (2013)
MOHD ZAIM ABU HASSAN (Umno) - 16,253 (majoriti 4,497)

MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB (Pas) - 11,796

Jumlah pengundi: 33,503
Jumlah keluar mengundi: 28,514 (86 peratus)
Undi rosak: 532 (2 peratus)
Malayu: 92 peratus
Cina: 3 peratus
India: 3 peratus
Lain-lain: 2 peratus

KEPUTUSAN PRU12 (2008)
MOHD NIZAR ZAKARIA (Umno) - 12,386 (majoriti 2,673)

DR NAIHATUSSALEHAH AHMAD (Pas) - 9,526

Jumlah pengundi: 28,609
Jumlah keluar mengundi: 22,598 (79 peratus)
Undi rosak: 628 (3 peratus)
Malayu: 92 peratus
Cina: 3 peratus
India: 3 peratus
Lain-lain: 1 peratus

KEPUTUSAN PRU11 (2004)
NASARUDDIN HASHIM (Umno) - 12,908 (majoriti 4,686)

MUHAMMAD ISMI MAT TAIB (Pas) - 8,112

Jumlah pengundi: 28,916
Jumlah keluar mengundi: 21,403 (74 peratus)
Undi rosak: 483 (2 peratus)
Malayu: 91 peratus
Cina: 4 peratus
India: 4 peratus
Lain-lain: 1 peratus

GOVERNMENT PROGRAMMES

**IZARA COOKIES
SET TO EXPAND
REGIONALLY**

Mardi, SME Corp and Fama successfully assist siblings to grow small home-based business and now own a factory

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
PASIR MAS
sharifah@mstp.com.my

FROM a small home-based business, the siblings here are now the proud owner of a factory which manufactures cookie products.

It took them only under 10 years to expand the enterprise and they would like to thank the government in fast-tracking the venture.

With a capital of RM5,000 initially, Mohd Razil Ilahi Razali, 37,

and his sister Ruzanna, 32, could only make cookies from home in 2011.

He said their business – Izara Cookies Sdn Bhd – in Kampung Padang Sakar near Salor began to expand after they received training and funding from government agencies.

The two attributed their success to the government programmes to assist entrepreneurs.

Razil said this was possible through assistance from Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mar-



Mohd Razil Ilahi Razali, 37, and his sister Ruzanna, 32, are now the proud owner of a factory, which manufactures cookie products. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH SYED ABDULLAH

di), SME Corporation Malaysia and Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

"We have received grants from the three agencies to help our business grow.

"Apart from giving us equipment to make cookies, they also also trained us on how to do business properly.

"From only an oven and several other small cooking equipment, we now have a factory with sophisticated machines, which are

run by 18 staff," said the eldest of three siblings.

Razil is the chief executive officer of the company, which operates the factory in Pengkalan Chempu in Kota Baru.

Ruzanna said the factory could now manufacture about 10 tonnes of cookie products in a month.

"Our customers are from all over the country and most of them are supermarket and petrol station operators.

"With continuous support from the government, we are confident that our products can enter the international market like Thailand and Singapore soon said the mother of two.

Ruzanna said Izara cookies were sold in various packaging and were priced between RM1 and RM5.99.

They hoped that the government would continue to help local entrepreneurs to improve the business knowledge.

Buka kilang biskut selepas 7 tahun operasi di rumah

• Dua beradik terima pelbagai bantuan geran kerajaan perluas Izara Cookies

Olleh Sharifah Mohd Hafiz Abdulrah
sharifah@nsp.com.my

• **Paol Mas**

Ketika mula menceburi usaha penghasilan biskut kira-kira tujuh tahun lalu, dua beradik dari Padang Sakar dekat Salor di sini, hanya dengan bermodal wang saku mereka berjumlah RM5,000.

Modal yang kecil itu, membolehkan Mohd Razil Iah Razali, 37, dan adiknya, Ruzana, 31, menghasilkan biskut terbahut secara kecil-kecilan di rumah mereka.

Kegiatan dua beradik itu memasarkan produk biskut mereka, menyayikan perusahaan berkembang hingga berjaya membuka sebuah kilang biskut di Perumahan Chepa, Kota Bharu pada 2013.

Menggunakan nama Izara Cookies, dua beradik menyifatkan kejayaan mereka itu tidak akan tercapai tanpa bantuan kerajaan menerusi pelbagai program yang disediakan untuk usahawan.

Mohd Razil berkata, mereka menerima bantuan geran daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), SME Corp serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (MAMPA) untuk mengembangkan lagi

perniagaan menjual tiga jenis biskut, iaitu masing-masing leperangan koko dan coklat disaluti kacang badam serta koko asli.

Ikuti latihan

"Selain bantuan peralatan dan mesin membuat biskut, kerajaan juga memberi latihan kepada kami untuk mengembangkan lagi perniagaan menjual biskut.

"Daripada menggunakan ketuhar dan beberapa peralatan kecil, kini kami memiliki kilang sendiri dengan mesin canggih serta 18 kakitangan," katanya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu.

Sementara itu, Ruzana berkata, kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan pelbagai program bagi membantu usahawan berjaya dalam perniagaan mereka.

"Jika sebelum ini kami hanya menghasilkan biskut dalam kuan-



Mohd Razil Iah dan Ruzana bersama produk Izara Cookies

Fakta nombor

10 TAN

biskut dihasilkan sebulan

RM5,000 MODAL

permulaan hasil biskut secara kecil-kecilan

ti sedikit, tetapi sekarang kilang kami mampu menghasilkan 10 tan biskut sebulan.

"Kami mempunyai pelanggan dari seluruh negara termasuk pasar raya dan stesen minyak."

Pasaran antarabangsa

"Sokongan berterusan Kerajaan Persekutuan, kami yakin biskut ini boleh memasuki pasaran antarabangsa seperti Thailand dan Singapura tidak lama lagi," katanya yang juga ibu kepada dua anak.

Ruzana berkata, pihaknya menyediakan peribungkus dalam plastik dan bekas setiap biskut dengan masing-masing berharga RM5 dan RM5.99.

"Bantuan pelbagai daripada kerajaan mampu membantu memajukan perniagaan terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.